KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI

DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

PEMUKIMAN PERTENGAHAN TAHUN

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH 2024

TARIKH/ MASA:

25 JULAI 2024 (KHAMIS)

TEMPAT:

DESARU CONVENTION CENTRE

JOHOR

Terima kasih saudara/ saudari pengacara majlis.
Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

MUKADIMAH

1. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Thabarani, Baginda Rasulullah SAW telah bersabda:

   "Sesungguhnya Allah kasih apabila seseorang daripada kamu melakukan sesuatu amalan hendaklah buat secara tekun."

2. Sesuai dengan maksud hadis tersebut, kita perlu terus **komited dan itqan (tekun)** dalam mencapai kejayaan hasil pemukiman kita pada awal 14 Januari lalu.

3. Sedar ataupun tidak, mungkin sebahagian daripada kita masih diulit memori kejayaan yang dikecapi sehingga hari ini. Saya tidak nafikan, kejayaan pada tahun 2023

telah meletakkan KKDW sedikit di hadapan berbanding beberapa Kementerian lain.

4. Fokus dan pendekatan kita sekarang berbeza berbanding tahun lalu. Kita tidak boleh bertindak dengan cara yang sama, sebaliknya kita harus menyesuaikan idea dan tindakan mengikut perubahan dan tren semasa.

5. Saya nak kita semua bangkit daripada **'comfort zone'** dan memberikan tumpuan berganda bagi mencapai kesemua 6 fokus utama dan 62 program pembangunan desa seperti yang ditetapkan bersama.

6. Saya percaya, kita memiliki tahap keyakinan yang tinggi dalam melaksanakan amanah besar di bahu masing-masing. Dan saya juga yakin, kita mahu tampil sebagai *best of the best* – terbaik antara yang terbaik.

7. Untuk menjadi yang terbaik, lonjakkan usaha mengatasi kebiasaan. Kita mesti sedia menjadi luar biasa! Saya gariskan beberapa strategi sebagai landasan dan panduan kita bersama :

    a) Pertama, **Tetapkan Matlamat Dengan Jelas** dengan pendekatan SMART Goal.

b) Kedua, **Mengutamakan Pengurusan Masa** dengan memastikan perkembangan projek direkodkan dengan terperinci dan diselesaikan mengikut tepat waktu.

c) Ketiga, **Bina rangkaian sokongan -** Kita kena sedar: *alone we can do so little, together we can do so much*. Belajarlah dari mereka yang telah berjaya serta meningkatkan kolaborasi dengan pelbagai pihak.

d) Keempat, **Kekalkan motivasi -** Saya tahu setiap tahun kita ada Majlis Perkhidmatan Cemerlang untuk meraikan para pekerja. Sejujurnya saya rasakan ianya tidak mencukupi.

8. Saya ingin lontarkan kepada KSU kalau kita boleh buat anugerah khas kepada individu dan bahagian pelbagai peringkat yang telah memberikan sumbangan yang terbaik pada tahun ini. Boleh Datuk KSU?

9. Ini bukan lah untuk ganjaran semata-mata tetapi saya yakin ini akan memberi anjakan besar untuk kita terus menjadi yang terbaik, terkehadapan dan paling penting, cemerlang di hati rakyat.

STRATEGI PELAKSANAAN DISUSUN RAPI

Warga KKDW sekalian,

10. Berbekalkan pengalaman menjadi Menteri Persekutuan, saya mulakan langkah dengan memperkenalkan **Aspirasi Desa Makmur** bagi memastikan pengupayaan Desa secara radikal berdasarkan empat (4) imperatif utama D-E-S-A.

11. Kemudian saya pasakkan agenda **Aspirasi Desa Madani** dengan memperkenalkan imperatif K-K-D-W sebelum saya lontarkan beberapa pendekatan dan sasaran yang wajar dijadikan game-changer kepada pemegang taruh Agensi serta syarikat milikannya untuk memberikan hasil yang berimpak tinggi.

12. Alhamdulilah, selain daripada Kementerian mendapat pelbagai pengiktirafan dan anugerah, terdapat juga anak-anak syarikat kita yang telah mencatat keuntungan sepanjang tempoh 6 bulan ini antaranya adalah Perda Venture dengan rekod keuntungan sebanyak RM2.7 juta dan KEDA Group of Companies sebanyak RM243,706.00.

13. Walaupun banyak yang sudah dicapai dan peratusan pelaksanaan juga baik serta memuaskan, ingin saya tegaskan: jangan terlalu selesa dan lalai hingga menyebabkan ada kerja terpaksa diselesaikan pada saat-saat akhir.

14. Keadaan ini bukan sahaja menunjukkan kelemahan kita dalam merancang, malah akan memberi bebanan tambahan kepada semua.

15. *Success is having consistent work habits*. Kita bukan nak bangkit daripada kegagalan, sebaliknya kita ingin mengekalkan kejayaan. Kerap saya tegaskan - ‘untuk berjaya itu sukar, untuk mempertahankan kejayaan, ianya jauh lebih sukar’.

MENJIWAI PEMBANGUNAN DESA

Hadirin dan hadirat sekalian,

16. Bila kita berbicara tentang luar bandar, ia sering terkait dengan frasa kata kemiskinan. Kemiskinan berlaku di mana sahaja, sama ada di negara maju, atau di negara membangun, di bandar atau di luar bandar.

17. Kemiskinan mewujudkan jurang kualiti hidup antara penduduk miskin dan kaya, sekali gus melebarkan jurang ketidaksamarataan dalam kalangan masyarakat. Oleh kerana itulah, saya gagaskan Aspirasi Desa Madani untuk memastikan kelangsungan misi besar KKDW dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar secara menyeluruh dan berkesan.

18. Tetapi sebagai penjawat awam – sebagai golongan yang memacu dan menggerakkan usaha-usaha ini, adakah kita berpuas hati terhadap pencapaian menguruskan RM 11.55 bilion ringgit yang diperuntukan kepada kita bagi memangkin kehidupan masyarakat luar bandar?

Adakah langkah-langkah yang kita sedang laksanakan kini memadai atau sebenarnya masih banyak boleh diperbaiki?

19. Persoalan-persoalan ini penting untuk dicerakinkan dengan memahami konsep nilai sosial ekonomi atau *the social economic value* sesebuah masyarakat agar kita dapat benar-benar memahami kewajaran setiap tindakan kita. Dalam dunia yang pesat berubah, amat penting untuk kita memahami dan menjiwai konsep pembangunan sosioekonomi.

20. Pembangunan sosioekonomi adalah proses transformasi yang melibatkan **gabungan dua elemen iaitu nilai kemasyarakatan dan nilai ekonomi untuk mencapai sesebuah kemajuan**. Pembangunan sosioekonomi dalam konteks pembangunan desa pula adalah peningkatan kualiti kehidupan dan menjana pendapatan masyarakat di samping mengenal pasti sumber-sumber asas yang berpotensi dikomersialkan dalam meningkatkan sumber ekonomi.

21. Justeru, bagi memastikan masyarakat desa mampu bersama dalam arus pemodenan negara, pembangunan sosioekonomi ini amat penting dan menjadi asas kepada gerak kerja kita. Tiga pendekatan yang saya ingin cadangan bagi memacu pembangunan sesebuah kampung untuk terus berdaya saing.

    a) Pertama, **Pembudayaan Warisan** misalnya, boleh dilaksanakan dengan menjalankan aktiviti keusahawanan tanpa meninggalkan warisan sesebuah komuniti. Contohnya, Wanita Orang Asli dari Suku Jahut, Rafidah yang telah menghasilkan produk daripada hutan dengan menjual produknya

di Tik Tok di samping membuat perkongsian adat resam untuk tontonan 150 ribu pengikutnya.

b) Kedua, **Pembudayaan ilmu** pula penting bagi memastikan masyarakat kampung mendapat pendidikan secara menyeluruh. Suntikan bantuan seperti kelas tuisyen rakyat seperti yang dilakukan oleh RISDA dan KEDA, serta kelas-kelas kemahiran kepada masyarakat yang dilakukan oleh KEMAS dan GiatMARA juga adalah pendekatan terbaik, serta mampu meningkatkan ilmu sedia ada dan akhirnya menyumbang kepada peningkatan potensi pendidikan anak-anak dan ekonomi keluarga.

c) Ketiga, **Pembudayaan Ekonomi** yang merujuk kepada usaha mengoptimumkan penggunaan segala sumber aset semula jadi yang sedia ada. Misalnya, masyarakat desa perlu diurus pemikirannya untuk mengusahakan tanah terbiar bagi menjana hasil. Sebagai contoh, salah seorang peserta FELCRA iaitu Shamsiah Osman yang menetap di Pusat Penyusunan Semula kampung (PPSK) Salong yang menggunakan tanah di kebunnya untuk ternakan madu kelulut bagi

meningkatkan pendapatannya sehingga bergelar usahawan FELCRA pada masa kini. Bermula hanya 6 sarang kelulut, kini beliau mempunyai lebih 90 sarang dan memperoleh pendapatan yang lumayan daripada usaha yang beliau dilakukan.

22. Usaha-usaha pembudayaan yang saya sebutkan amat penting bagi memastikan pembangunan nilai sosioekonomi luar bandar dapat ditingkatkan, seiring kemajuan ekonomi Malaysia. Sebab itulah peranan anda sebagai penjawat awam amat penting bagi menerapkan nilai ini dalam setiap tindakan atau gerak kerja yang dijalankan.

23. Terkini, urusan pemindahan Pejabat JAKOA yang kini berada di Kota Bharu ke Gua Musang, Kelantan sedang dilakukan. Saya melihat perpindahan ini adalah sesuatu yang baik bagi menzahirkan keprihatinan Kerajaan dalam mendekati masyarakat Orang Asli – yang pada saya akhirnya dapat mewujudkan persekitaran yang lebih dinamik di antara keduanya.

ASAS NILAI EKONOMI SOSIAL

Hadirin dan hadirat sekalian,

24. Nilai ekonomi sosial melangkaui metrik kewangan semata-mata. Ia merangkumi kesan yang lebih luas daripada aktiviti ekonomi kita terhadap masyarakat, menyepadukan kedua-dua faedah kewangan dan bukan kewangan yang menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan keseluruhan masyarakat desa.

25. Bagi memastikan teras nilai sosioekonomi diwujudkan – pertama, kita mestilah mewujudkan **peluang pekerjaan** yang bukan sahaja menyediakan pendapatan tetapi memberikan nilai tujuan, kestabilan serta keupayaan untuk menyumbang secara bermakna kepada masyarakat.

26. Kedua, memberikan **akses pendidikan** yang baik dan berkualiti bagi memperkasakan warga desa mencipta inovasi dan memacu pertumbuhan ekonomi.

27. Ketiga, dalam meningkatkan **keterangkuman sosial** adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan warga desa tidak terpinggir, diberikan peluang dalam

aktiviti ekonomi seterusnya mewujudkan sebuah masyarakat desa yang mempunyai suara dan peranan untuk dilaksanakan.

28. Keempat, anjakan **inovasi dan teknologi** akan menjadi pemangkin terhadap pertumbuhan ekonomi yang mampan, sekali gus membolehkan limpahannya dinikmati seluruh rakyat di pedesaan, *and no one is left behind*.

29. Kelima dan yang terakhir - dengan akses kepada **infrastruktur dan bantuan kewangan** yang baik ia bukan sahaja dapat menjamin kualiti hidup yang lebih sempurna, tetapi mengangkat martabat mereka untuk menyumbang kepada negara.

30. Kesimpulannya, konsep yang saya bawakan ini adalah pendekatan holistik dalam mengimbangi pertumbuhan ekonomi dan kesaksamaan sosial. Ia lantas memastikan faedah aktiviti ekonomi dapat dikongsi secara meluas dan seterusnya membina masa depan di mana kemakmuran dan kesejahteraan bukanlah hak istimewa segelintir orang, tetapi hak semua, khususnya masyarakat desa.

MENERAPKAN NILAI EKONOMI SOSIAL DALAM GERAK KERJA KKDW

31. Saya mahu prinsip ini diamalkan bagi pemukiman kali ini dan kita mulakan dengan menyulami nilai sosioekonomi terhadap **Kepimpinan Desa** yang mempunyai jurang besar di antara desa dan bandar. Pemimpin kampung mungkin menghadapi cabaran seperti sumber yang terhad dan kekurangan akses kepada teknologi moden. Peranan kita, kita perlu memastikan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) mendapat panduan dan bantuan yang sewajarnya agar mereka dapat memimpin dengan sempurna.

32. Kedua, dalam memastikan **Kemampanan Anak Syarikat** walaupun sering saya bicara tentang menjadikan *Cost Centre* menjadi *Profit Centre*, faktor sosioekonomi memainkan peranan juga. Saya percaya syarikat yang beroperasi di kawasan yang makmur sering mempunyai akses yang lebih baik kepada tenaga kerja yang mahir, teknologi maju, dan sumber kewangan - tetapi jangan kita kesampingkan keupayaan syarikat lain yang juga mampu berkembang dan mencipta keuntungan.

33. Ketiga, bagi aspek **infrastruktur dan teknologi** pula, saya mahu sebuah pembangunan yang lebih adil dan menutup sebarang jurang sosioekonomi walaupun mempunyai *level playing field* yang berbeza. Penggunaan *dashboard* contohnya dapat memastikan penyelarasan yang lebih efisien dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih menyeluruh dan saksama.

34. Faktor sosioekonomi juga mempunyai kesan yang mendalam terhadap **Pendidikan Awal, Pendidikan Menengah dan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).** KKDW memainkan peranan yang sangat besar dalam memangkin kehidupan anak-anak desa tidak kira latar belakang. Walaupun berbeza dari segi sosioekonomi, banyak kejayaan lahir daripada pelajar KEMAS, MARA dan sebagainya. Ini perlu diteruskan dan perlu difikirkan lagi ruang peluang untuk memberi pendidikan lestari kepada anak-anak desa ini.

35. Kelima, memupuk pembangunan **Ekonomi dan Keusahawanan** yang inklusif. Dengan mempromosikan kesaksamaan sosioekonomi, kita boleh memastikan semua individu mempunyai peluang seimbang untuk menyumbang dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi. Ini bukan sahaja meningkatkan

kehidupan individu tetapi juga membina ekonomi yang lebih berdaya tahan dan dinamik.

36. Dan yang terakhir, faktor sosioekonomi sangat terkait dengan **Tatakelola dan Sistem Penyampaian** dalam komuniti. Sikap kita mencerminkan organisasi yang kita wakili. *You want to create trust with your stakeholders.* Komuniti desa mempunyai latar belakang yang berbeza tetapi akhirnya, proses pembuatan keputusan yang lebih cekap dan telus dan pelaksanaan dasar yang berkesan boleh mendorong kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat desa.

PENUTUP

Warga KKDW yang saya hormati sekalian,

37. Hari ini, kita tidak lagi akan membincangkan atau membicarakan hala tuju, tetapi saya mahu **memperhalusi dan memberi fokus terhadap pelaksanaan dan penambahbaikan gerak kerja bagi setiap penetapan program-program yang telah diputuskan**.

38. Saya percaya kita sentiasa mempunyai ruang untuk meningkatkan pencapaian sedia ada ke tahap yang lebih tinggi kerana kita mempunyai kepakaran, potensi dan kemudahan yang sentiasa berkembang.

39. Cari ruang untuk berkolaborasi, bekerjasama dengan pemegang taruh lain supaya segala sumber dan tenaga dapat dioptimumkan untuk mempercepatkan **Transformasi Desa.**

40. Percayalah walaupun sejuknya hawa dingin di dewan ini, tidak ia sesekali memadam panasnya jiwa untuk membangunkan kehidupan di pedesaan.

41. Sebagai pelaksana, kita perlu miliki jiwa dan roh yang ampuh untuk membangunkan warga desa. Jadikan diri kita sebahagian daripada 8.1 juta masyarakat desa.

42. Mungkin bagi kita jalan, api, air itu adalah kemudahan biasa tetapi bagi mereka ini adalah rahmat kehidupan. Apa yang biasa bagi kita, mungkin ia nikmat besar buat warga desa. Bersungguh dan berpadulah **MENJIWAI PEMBANGUNAN DESA.**

Sekian. Terima kasih.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

NOTA

Aspirasi Desa Makmur 2023 - 4 Imperatif yang terkandung di dalam perkataan DESA iaitu:

D - untuk Data dan Digital,
E - untuk Ekonomi dan Ehsan,
S - untuk Sosial dan Sahsiah, dan
A - untuk Akaliah dan Alam Sekitar.

Aspirasi Desa Madani 2024 - 4 Imperatif yang terkandung di dalam perkataan KKDW iaitu:

K - Kemahiran dan Pengetahuan,
K - Keberkesanan dan Kecekapan,
D - Data dan Digital dan
W - Wow Factor.